

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER BAGI SESI II 2021 / 2022

1. KAEDAH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR

KUIM telah melaksanakan penyesuaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan kepada bilangan pelajar yang mendaftar bagi setiap kursus dan kapasiti kelas sebagai penentu bagi kaedah penyampaiannya. Sehubungan itu, berikut dinyatakan medium pengendalian peperiksaan akhir sebagai penilaian PdP berdasarkan mod pengendalian:

1.1 PdP BERSEMUKA SECARA FIZIKAL SEPENUHNYA/ HIBRID

Peperiksaan akhir akan dijalankan secara bersemuka dengan keperluan pelajar menghadirkan diri secara fizikal ke dewan peperiksaan.

Syarat-syarat pengendalian:

- a. Semua pelajar dan pengawas peperiksaan yang terlibat telah menerima vaksin lengkap.
- b. Semua pelajar dan pengawas peperiksaan perlu mengisi **Borang Deklarasi Saringan Covid-19 KUIM** sehari sebelum peperiksaan dijalankan melalui *google form*.
- c. Pelajar tidak dibenarkan untuk keluar daripada kawasan kampus bermula seminggu sebelum peperiksaan dijalankan sehingga peperiksaan kertas terakhir masing-masing kecuali berlaku hal-hal kecemasan.
- d. Sekiranya pelajar yang disahkan positif virus Covid-19, pelajar yang sedang dalam perintah kuarantin, *person under investigation* (PUI) atau kontak rapat **tidak dibenarkan** untuk menduduki peperiksaan akhir. **Pelajar adalah dibenarkan untuk mengambil peperiksaan khas.**
- e. Pelajar dan pengawas peperiksaan yang bergejala wajib mengambil ujian *saliva antigen* RTK.

1.2 PdP SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA

- a. Peperiksaan akhir/ tugas akhir akan dilaksanakan **secara dalam talian dan diuruskan oleh pensyarah kursus yang tersebut.**

- b. Pengendalian tugas akhir adalah sebagaimana garis panduan yang telah dikeluarkan oleh BHEA (rujuk memo Makluman Pindaan Tempoh Pengendalian Tugas Akhir dan Peperiksaan Akhir dalam Talian, bertarikh 16 Februari 2021)

1.3 PELAJAR YANG TIDAK MENGAMBIL VAKSIN ATAU TIDAK LENGKAP VAKSIN

- a. Pelajar adalah tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir di dewan peperiksaan secara bersemuka fizikal.
- b. Pelajar dibenarkan mengambil peperiksaan akhir secara dalam talian (*online*) pada tarikh, masa dan tempoh menjawab adalah sama dengan peperiksaan yang telah dijadualkan dengan menggunakan set soalan yang berbeza.

Contoh :

Peperiksaan Kursus SHA 1002 :

pelajar A lengkap vaksin (soalan set 1) peperiksaan di dewan peperiksaan KUIM.

pelajar B tidak ambil / tidak lengkap vaksin (soalan set 2) peperiksaan secara dalam talian.

(Tarikh dan tempoh masa peperiksaan adalah sama.)

- c. Pelaksanaan peperiksaan akan diuruskan oleh pensyarah kursus yang terlibat.

2. MAKLUMAT KEPERLUAN PENGENDALIAN PEPERIKSAAN AKHIR BERSEMUKA SECARA FIZIKAL

Bagi memastikan kelancaran pengendalian peperiksaan akhir bersemuka secara fizikal, beberapa aspek kemudahan dan pengurusan perlu berada dalam keadaan tersedia seperti berikut:

2.1 DEWAN PEPERIKSAAN

- a. Penggunaan dewan peperiksaan akan ditentukan oleh pihak BHEA (maklumat dewan akan dihebahkan kepada pelajar)
- b. Jumlah kapasiti pelajar dalam satu dewan peperiksaan adalah sebagaimana yang dilampirkan.
- c. Pelajar akan menggunakan meja yang telah dilabel dengan nombor bagi memudahkan pengesanan kontak rapat sekiranya pelajar didapati positif semasa / selepas (dalam tempoh) peperiksaan dijalankan. Pengesanan kontak rapat

diambil daripada jarak 2 meja di sekeliling pelajar yang dijangkiti.

- d. Semua dewan wajib disanitasi pada setiap kali selepas sesi peperiksaan dijalankan (pagi dan petang setiap hari).
- e. Setiap dewan akan diletakkan *hand sanitizer*.
- f. Pelajar dan pengawas peperiksaan diwajibkan mendaftar kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera di dewan peperiksaan dan memakai pelitup muka sepanjang peperiksaan berjalan.
- g. Pelajar dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan seawal 30 minit sebelum peperiksaan bermula bagi mengelakkan pelajar berkumpul di luar dewan peperiksaan.

3. PENGURUSAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN

Pengurusan pelaksanaan peperiksaan akhir adalah sama seperti yang telah dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Hal Ehwal Akademik (1995) Pindaan 2019 dengan penambahan maklumat berikut:

- a. Semua ketua/ pengawas peperiksaan yang bertugas perlu dalam keadaan lengkap dua dos vaksin.
- b. Semua ketua / pengawas peperiksaan wajib hadir ke dewan peperiksaan 1 jam awal dari masa yang telah ditetapkan.
- c. Pengawas *standby* adalah disediakan bagi kes kecemasan sahaja
- d. Ketua / pengawas peperiksaan wajib memakai pelitup muka.
- e. Ketua / pengawas peperiksaan perlu merekod nombor meja peperiksaan mengikut kedudukan pelajar sebagai kehadiran pelajar dalam dewan peperiksaan.
- f. Ketua/ pengawas peperiksaan perlu membaca arahan peperiksaan (seperti yang disediakan) dengan jelas kepada calon.
- g. Operasi pembungkusan kertas jawapan bagi setiap kursus hanya dilakukan oleh seorang pensyarah bertugas sahaja.
- h. Pastikan pelajar dan pengawas peperiksaan sentiasa berada dalam jarak fizikal lebih dari 1 meter antara satu sama lain sepanjang tempoh peperiksaan dijalankan.

4. MAKLUMAN KES, BERGEJALA ATAU KONTAK RAPAT

- a. Sekiranya tidak sihat, mempunyai gejala atau mendapat tahu diri mereka sebagai kontak rapat, perlu memaklumkan awal dengan melampirkan sebarang bukti berkaitan ke BHEA melalui talian telefon atau sebagainya.
- b. Peperiksaan akhir bersemuka secara fizikal boleh digantikan dengan peperiksaan secara dalam talian (*online*) pada tarikh dan masa yang dijadualkan sekiranya berlaku penularan di luar jangkaan atau tertakluk kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN)/ Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pensyarah kursus perlu memaklumkan ke BHEA dan peperiksaan tersebut diuruskan sendiri oleh pensyarah kursus.

*Disediakan oleh: Unit Peperiksaan, BHEA
Talian BHEA : 06-3876196 / 8420*

SENARAI DEWAN PEPERIKSAAN AKHIR MENGIKUT FAKULTI DAN PROGRAM

BIL.	DEWAN (FAKULTI)	PROGRAM
BANGUNAN LUQMAN AL-HAKIM		
1	DEWAN 1 ARAS 1: KELAS 5-8	Pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa (FUG)
	DEWAN 2 ARAS 1: KELAS 9-10	
FSS		
2	DEWAN MELUR	Pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa (FUG)
3	DEWAN KENANGA DAN DEWAN TERATAI	Pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Fakulti Sains Sosial (FSS)
FIPT		
4	DK 1, DK 2 dan DK 3	Pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi (FIPT)
FPHP		
5	BILIK ANGGERIK DAN BILIK RAFFELSIA	Pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Fakulti Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan (FPHP)
FKI		
6	DK 9	Pelajar program Diploma Fakulti Teknologi Maklumat dan Media Digital (FTMD)
	DK 10, DK 11, DK 12, DK 13, DK 16, DK 17	Pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Fakulti Keilmuan Islam (FKI)
FKSK		
7	DEWAN UTAMA, DK 1 dan DK 2	Pelajar program Diploma Fakulti Bahasa dan Pendidikan (FBP) (bermula 7 – 11 Mac 2022)
		Pelajar program Diploma Kejururawatan dan Sains Kesihatan (FKSK) (bermula pada 14 – 22 Mac 2022)